

---

# KENYATAAN MEDIA

**UNTUK SIARAN SEGERA**

## **PERDANA MENTERI SANTUNI PENIAGA DAN PENGUNJUNG B5 JOHOR STREET MARKET**

**JOHOR BAHRU, 15 OGOS 2020** – Perdana Menteri, YAB Tan Sri Muhyiddin Yassin hari ini meluangkan masa untuk menyantuni peniaga dan pengunjung sempena lawatan ke B5 Johor Street Market yang merupakan Pusat Komersial Pelancongan Setempat terkini, dekat sini.

Sesi tersebut diadakan sempena lawatan kerja rasmi dua hari YAB Perdana Menteri ke Johor yang bermula hari ini.

B5 Johor Street Market adalah Pusat Komersial Pelancongan Setempat yang dibangunkan oleh Johor Corporation (JCorp) menerusi syarikat Kumpulannya iaitu Johor Land Berhad dengan kos pembangunan keseluruhan sebanyak RM90 juta dan diuruskan oleh Damansara Assets Sdn Bhd.

Turut serta dalam lawatan itu ialah isteri YAB Perdana Menteri, YBhg Puan Sri Datin Paduka Hajah Noorainee Haji Abdul Rahman; Menteri Besar Johor, YAB Datuk Haji Hasni bin Mohammad; Setiausaha Kerajaan Johor, YB Dato' Haji Azmi Rohani, barisan EXCO Kerajaan Negeri Johor serta Presiden dan Ketua Eksekutif JCorp, YBhg Datuk Syed Mohamed Syed Ibrahim.

Selain meninjau gerai jualan peniaga, YAB Tan Sri Muhyiddin turut melawat ruang pameran yang melibatkan beberapa sektor perniagaan Kumpulan JCorp serta menyaksikan demonstrasi membuat produk kraftangan.

Beliau turut menyampaikan sumbangan Skim Pemulihan Perniagaan Tekun kepada sembilan peniaga B5 Johor Street Market berjumlah RM82,000 bertujuan membantu peniaga memulihkan perniagaan dan menambah modal sedia ada.

Premis B5 Johor Street Market dibina pada Januari 2018 dan telah beroperasi sejak Februari 2020 dengan kadar penghunian sebanyak 76% daripada 231 ruang perniagaan yang disediakan untuk usahawan memasarkan pelbagai produk termasuk kraftangan, makanan dan minuman serta pakaian.

Lima elemen utama yang diterapkan dalam pembangunan B5 Johor Street Market ialah reka bentuk berkonsepkan 'retail bazaar', 'box park', kenderaan saji (food truck), makanan dan minuman serta hab untuk persembahan seni dan kebudayaan Johor.

Pusat sehenti pelancong ini juga membuka lebih 1,000 peluang pekerjaan kepada penduduk sekitar

Terdahulu, YAB Tan Sri Muhyiddin telah merasmikan Sambutan Hari Belia Negara di Persada Johor International Convention Centre, Johor Bahru dengan mengangkat tema 'Dekad Ini, Dekad Anda' selaras peranan, sumbangan dan tanggungjawab belia dalam mencorak negara seiring dengan visi Wawasan Kemakmuran Bersama 2030.

*-Tamat-*

<p>Dikeluarkan oleh: Johor Corporation Keterangan lanjut sila hubungi: Jabatan Komunikasi Korporat. Tel: 07-219 2692.</p>
-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------